

## **PERUTUSAN YAB PREMIER SARAWAK**

### **Sempena Sambutan Hari Malaysia 2023 Peringkat Kebangsaan**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Salam Sarawak  
Maju Makmur  
Salam Malaysia Madani

Pertamanya marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan inayah-Nya kita dapat bersama-sama meraikan Sambutan Hari Malaysia 2023 Peringkat Kebangsaan di Bandaraya Kuching, Sarawak pada tahun ini.

Sesungguhnya sambutan Hari Malaysia 2023 yang diadakan pada tahun ini cukup meriah dan kami warga Kuching khususnya amat berbesar hati menerima kunjungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan juga rakan-rakan dari Semenanjung Malaysia dan Negeri Sabah bagi kita bersama-sama mengingati serta merayakan detik bersejarah tanah air kita yang berlaku 60 tahun yang lalu. Pada ketika itulah termeterainya perjanjian yang menyatukan dua wilayah di Pulau Borneo dan Tanah Melayu untuk membentuk sebuah negara bangsa yang berdaulat dan merdeka.

Pada detik yang sungguh bermakna ini, saya ingin mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk sama-sama menghayati tema Hari Malaysia yang diangkat pada tahun ini iaitu “Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan”.

Pada hemat saya tema yang sama dipilih bagi Sambutan Hari Kebangsaan tahun 2023 ini sebagai suatu usaha mengajak seluruh rakyat menghayati erti pemikiran serta dasar pembangunan bangsa merdeka yang berjaya, yang memiliki budaya ketamadunan yang tinggi serta menjadikan perpaduan serumpun sebagai teras utama dalam melakar kejayaan dalam arus kemodenan tanpa sempadan pada masa kini.

Ia adalah suatu panggilan kepada semua rakyat Malaysia untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi berteraskan rasa hormat menghormati antara sesama insan dalam apa jua situasi yang berlaku untuk membina masa hadapan negara yang gemilang.

Di Sarawak, semangat perpaduan dan saling menghormati antara kaum merupakan perkara pokok yang sentiasa diambilkira dalam pada melontarkan apa jua idea dan pandangan dalam usaha bergerak maju ke hadapan. Terma “Segulai Sejalai” menjadi asas bagi mewujudkan persefahaman antara satu sama lain supaya semua rakyat tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama dapat sama-sama menikmati kemajuan dan kemakmuran bumi bertuah ini.

Saya amat berharap dan berdoa agar Malaysia kita terus maju dan melangkah berani ke hadapan dengan semangat kesatuan bangsa yang jitu supaya negara terus di hormati dan disegani di arena serantau dan antarabangsa.

Semoga Malaysia amnya dan Sarawak khususnya terus dipelihara oleh Allah SWT dengan kebaikan dan kemakmuran

yang berterusan serta dipermudahkan segala urusan dalam membangunkan Malaysia ke aras yang lebih tinggi serta terus gemilang dengan kejayaan.

Sekian,

Salam Sarawak Maju Makmur

Salam Malaysia Madani

Selamat Hari Malaysia yang ke 60 tahun.

Wabillahitawfiq walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh